

23/11/2001

Jenazah Seri Paduka selamat disemadikan

KLANG, Khamis - Jenazah Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah selamat dimakamkan di Makam Diraja Sultan Suleiman, Klang di sini, petang ini.

Jenazah baginda disemadikan bersebelahan makam ninda baginda, Almarhum Sultan Alauddin Suleiman Shah dan ayahanda baginda, Almarhum Sultan Sir Hisamuddin Alam Shah.

Ketika jenazah baginda diturunkan ke dalam liang lahad, Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah menitikkan air mata tanpa henti.

Mufti Kerajaan Selangor, Datuk Seri Mohd Tamyas Abdul Wahid, membaca talkin dan mengetuai tahlil pada istiadat pemakaman baginda yang bermula pada jam 4.40 petang. Sejurus selesai upacara pembacaan talkin, tembakan meriam 75 das menandakan berakhirnya upacara itu.

Sultan Sharafuddin Idris Shah, yang baru dimasyhurkan sebagai Sultan Selangor, mengetuai kerabat diraja, sultan serta pembesar menabur bunga mawar dan merenjis air mawar di makam baginda.

Mereka termasuk Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Sultan Brunei Darussalam Sultan Hassanal Bolkiah, Sultan Perak Sultan Azlan Shah dan Sultan Kelantan Sultan Ismail Petra.

Turut menabur bunga dan merenjis air mawar ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, serta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo.

Istiadat pemakaman itu selesai jam 5.30 petang.

Terdahulu, setelah selesai istiadat pemasyhuran Sultan Selangor yang baru, jenazah Almarhum diletakkan di dalam pedati Seraja Diraja sebelum ditarik perlahan-lahan ke makam sejauh 1.7 kilometer.

Sepanjang jalan, rakyat pelbagai kaum dan peringkat umur berdiri memberi penghormatan terakhir kepada Almarhum sehingga tiba di pekarangan makam, bersebelahan Masjid Sultan Suleiman.

Antara ribuan rakyat jelata yang mengiringi perjalanan terakhir Almarhum ialah sekumpulan golongan kurang upaya, anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pasukan beruniform.

Cuaca cerah memudahkan istiadat pengusungan jenazah Almarhum ke tempat persemadian Seri Paduka dijalankan dalam masa 45 minit dengan sempurna.

Istiadat pemakaman bermula jam 8 pagi dengan jenazah selepas dimandi dan dikapankan di Istana Selangor di Kuala Lumpur, dibawa keluar menggunakan van khas diiringi Sultan Sharafuddin Idris Shah serta kerabat diraja lain ke Masjid Negara untuk disembahyangkan jam 8.20 pagi.

Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Hashim Yahya mengetuai solat jenazah sebelum dibawa ke Istana Negara bagi membolehkan orang kenamaan dan rakyat menziarahinya. Jenazah Almarhum diletakkan di atas pentas khas tujuh lapis.

Tiga ketua negara turut hadir untuk memberi penghormatan terakhir iaitu Sultan Hassanal Bolkiah; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri dan Presiden Singapura, S R Nathan.

Sultan Hassanal, kawan rapat Almarhum tiba di ibu negara malam tadi setelah diberitahu mengenai berita kemangkatan itu. Megawati pula tiba pagi ini dengan diiringi suaminya, Taufik Kiemas, manakala Nathan disertai Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan Menteri Luar, Prof S Jayakumar.

Filipina diwakili Naib Presidennya, Teofisto Guingona.

Turut memberi penghormatan terakhir ialah wakil pembesar asing, termasuk

Duta Arab Saudi ke Malaysia, Hamed M A Yahya; Vladamir Morozov (Russia); Abdul Sattar Murad (Afghanistan); Marie T Huhtala (Amerika Syarikat); Mohammad Ghasem Moheb Ali (Iran); Koray Targay (Turki); Arturo Infante Villarreal (Columbia); Adnan Malik Al-Ghazali (Iraq); Bruce Elliot Cleghorn (Britain); Jean McCloskey (Kanada); Veena Sikri (India); Chitsaka Chipaziwa (Zimbabwe); Mac Price (New Zealand) dan Nasim Rana (Pakistan).

Selepas itu, jenazah Seri Paduka dibawa dengan pedati diraja ke hadapan bangunan Sultan Abdul Samad bersebelahan Dataran Merdeka pada jam 11.55 pagi. Tepat jam 12.30 tengah hari, jenazahnya diangkat daripada pedati diraja dan diusung oleh 12 anggota daripada ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta polis ke kenderaan jenazah diraja untuk dibawa ke Istana Alam Shah di sini.

Selesai jenazah Seri Paduka diletakkan dalam kenderaan jenazah diraja, lagu Negaraku dimainkan oleh pancaragam ATM sebelum kenderaan bergerak perlahan meninggalkan kawasan Dataran Merdeka menuju ke Klang.

Turut mengiringi jenazah Almarhum ialah Tuanku Siti Aishah, Sultan Mizan dan Raja Permaisuri Terengganu Nur Zahirah, Perdana Menteri dan timbalannya serta anggota jemaah menteri dan orang kenamaan lain.

Rakyat dari pelbagai lapisan masyarakat berkumpul di Dataran Merdeka sejak awal pagi untuk menyaksikan istiadat itu, yang disiarkan secara langsung melalui RTM1 dan pada skrin besar di dataran itu.

Anggota polis berbaris di kedua-dua belah Jalan Raja berhadapan Dataran Merdeka sejak jam 11 pagi.

Polis trafik menutup secara berperingkat-peringkat Jalan Raja dan Jalan Sultan Hishamuddin mulai jam 11 pagi bagi melancarkan istiadat mengiringi jenazah.

Pengiringan jenazah melalui Jalan Istana, Jalan Damansara dan Jalan Sultan Hishamuddin dan berakhir di Jalan Raja.

(END)